

19 JAN 2004

ABDULLAH-LAOS

LAOS PELAWA SYARIKAT MALAYSIA MELABUR DALAM USAHA TINGKAT KERJASAMA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

VIENTIANE, 19 Jan (Bernama) -- Laos mempelawa syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara ini dalam usaha memperluaskan kerjasama antara kedua-dua negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hasrat Laos itu dinyatakan Perdana Menteri Bounnhang Vorachith dalam perbincangan dengan Abdullah, yang membuat lawatan sehari dalam rangka kunjungannya ke negara-negara anggota Asean.

Abdullah berkata walaupun lawatannya singkat namun ia memberi masa kepada beliau berbincang dengan Bounnhang mengenai perkara-perkara berkaitan hubungan dua hala Malaysia-Laos.

"Kami bersetuju hubungan dua hala adalah dalam keadaan baik, tidak ada faktor-faktor yang menghalang ataupun yang menimbulkan keadaan kurang senang hati dalam hubungan antara kedua-dua negara," katanya kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas ke Manila petang ini.

Lawatan ke ibunegara Asean itu merupakan kunjungan hormatnya terhadap para pemimpin Asean selepas memegang jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober lepas. Abdullah berkata Laos mengakui bahawa para pelabur Malaysia yang berada di negara ini telah menjalankan kegiatan dengan baik.

"Satu perkara yang mereka sangat berharap ialah supaya syarikat Malaysia yang diberi kontrak membina hotel lima bintang dapat menyiapkannya dalam masa yang ditetapkan akhir September ini," katanya.

Ini kerana hotel itu diperlukan untuk sidang kemuncak Asean yang akan dianjurkan buat pertama kalinya oleh Laos, November ini.

Sebelum persidangan media itu, Abdullah turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pinjaman berjumlah AS\$14 juta bagi projek hotel dan kompleks pelancongan Don Chan Palace itu antara Export dan Import Bank of Malaysia (Exim Bank) dengan Sun Trading Co.Ltd.

Exim Bank diwakili pengerusinya Tan Sri Othman Mohd Rijal manakala Sun Trading diwakili pengarah urusannya Cheok Tiam Cheng.

Abdullah juga mengadakan pertemuan dengan rakyat Malaysia yang bekerja di Laos dan mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada mereka yang berkenaan. Beliau berpuashati dengan sumbangan mereka yang membantu menaikkan kedudukan Malaysia sebagai pelabur keempat terbesar di Laos.

Katanya banyak bidang lagi yang boleh diterokai seperti pelancongan, pembangunan infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pembangunan sumber manusia.

Abdullah berkata Mesyuarat Suruhanjaya Bersama antara kedua-dua negara akan diadakan di sini Mei ini bagi membincangkan langkah susulan terhadap keputusan perbincangan antara beliau dengan Perdana Menteri Laos hari ini.

Abdullah juga melakukan kunjungan hormat terhadap Presiden Laos Khamtay Siphandone.

Lawatan ini merupakan lawatan pertama oleh seorang ketua kerajaan Malaysia sejak negara dengan lima juta penduduk itu menyertai Asean pada Julai 1997.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melawat negara itu pada tahun 1994.

Ketibaan Abdullah di Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay disambut Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Laos Somsavat Lengsavad serta Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang tiba di sini malam tadi.

Sejurus selepas ketibaannya, Abdullah diberikan sambutan rasmi di Dewan Perwakilan oleh rakan sejawatannya dari Laos Bounnhang Vorachith, yang

melawat Malaysia dalam tahun 2001.

Lawatan ke Laos amat bermakna memandangkan Abdullah, selaku Menteri Luar ketika itu, telah mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Asean di Kuala Lumpur pada 1997 yang menyaksikan kemasukan Laos dan Myanmar ke dalam Asean. Kemboja menyertai perkumpulan itu dua tahun kemudian.

Lawatan kunjung hormat Perdana Menteri sehingga kini meliputi Bandar Seri Begawan, Jakarta, Singapura dan Bangkok.

Beliau dijadual melawat Phnom Penh, Hanoi dan Yangon minggu depan bagi melengkapkan pusingan itu. -- BERNAMA

AZZ AZZ AA